



11 Disember 2017  
11 December 2017  
P.U. (A) 381

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT  
(KEPENTINGAN YANG DITETAPKAN BAGI TRANSAKSI  
PENJUALAN DAN PEMBELIAN SEKURITI ISLAM  
YANG DIRUNDINGI) 2017

*COMPANIES (PRESCRIBED INTEREST FOR ISLAMIC  
SECURITIES SELLING AND BUYING NEGOTIATED  
TRANSACTION) REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA SYARIKAT 2016

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (KEPENTINGAN YANG DITETAPKAN BAGI  
TRANSAKSI PENJUALAN DAN PEMBELIAN SEKURITI ISLAM  
YANG DIRUNDINGI) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 613(1)(d) Akta Syarikat 2016 [Akta 777], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Syarikat (Kepentingan yang Ditetapkan bagi Transaksi Penjualan dan Pembelian Sekuriti Islam yang Dirundingi) 2017.**
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 12 Disember 2017.

**Kepentingan yang ditetapkan**

2. (1) Suatu kepentingan dalam syer mana-mana orang di bawah subseksyen 8(6) Akta yang timbul daripada transaksi penjualan dan pembelian sekuriti Islam yang dirundingi ialah suatu kepentingan yang ditetapkan yang disebut dalam perenggan 8(9)(d) Akta.

- (2) Bagi maksud peraturan ini—

“orang” ertinya—

- (a) seorang pembekal dalam suatu transaksi penjualan dan pembelian sekuriti Islam yang dirundingi; atau
    - (b) seorang pengguna dalam suatu transaksi penjualan dan pembelian sekuriti Islam yang dirundingi yang menyimpan sekuriti Islam yang ditransaksikan itu bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga hari perniagaan;